

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1977

**Penyelarasan gaji dan kemudahan-kemudahan
(Perquisites) bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang ditukar
sementara dari satu skim perkhidmatan ke satu skim perkhidmatan
yang lain di Semenanjung Malaysia berikutan dengan
perlaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet**

Sebagaimana tuan maklum, sebilangan pegawai-pegawai Kerajaan telah ditukar sementara dari satu skim perkhidmatan ke suatu skim perkhidmatan yang lain dalam perkhidmatan Kerajaan di atas syarat-syarat pertukaran sementara yang diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pekeliling-pekelling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pegawai-pegawai Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia dan Pekeliling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pegawai-pegawai Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia mengikut Laporan Jawatankuasa Gaji Kabinet tidak meliputi pegawai-pegawai Kerajaan yang ditukar sementara seperti yang disebutkan di atas. Dengan hal yang demikian, perkhidmatan mereka di jawatan-jawatan pertukaran sementara adalah terus dikekalkan tertakluk kepada syarat-syarat pertukaran sementara mereka yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju supaya gaji dan kemudahan-kemudahan, jika berkenaan, yang diterima dalam pertukaran sementara mereka itu diselaraskan mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet seperti yang ditunjukkan dalam Pekeliling-pekelling Perkhidmatan yang berkenaan. Penyelarasan gaji ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1.7.1977.

2. Penyelarasan tersebut hendaklah dilakukan mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:-

i) **Gaji:**

- a) Jika pegawai itu ditukar sementara dengan ditawarkan gaji di atas tanggagaji hakiki jawatan pertukaran sementara, maka penyelarasan itu hendaklah dibuat kepada tanggagaji Kabinet bagi jawatan itu mengikut sifir-sifir pemindahan yang dijadualkan.
- b) Jika pegawai ditukar sementara atas tanggagaji secara Khas Untuk Penyandang dan tidak atas tanggagaji hakiki jawatan tukar sementara itu, maka penyelarasan hendaklah dilakukan kepada tanggagaji Khas Untuk Penyandang mengikut sifir-sifir pemindahan yang ditetapkan dan tidak kepada tanggagaji hakiki jawatan itu.

Contoh:

Jika 'A' Pegawai Pelajaran Kategori D1 telah ditukar sementara sebagai Pengetua Maktab Latihan Belia Dusun Tua, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di atas tanggagaji Tingkatan Tertinggi 'G' Suffian (\$1900x100-2000) (Khas Untuk Penyandang), tetapi tanggagaji hakiki jawatan itu ialah Tingkatan Tertinggi 'F' (\$2150), maka bagi tujuan penyelarasan kepada tanggagaji baru, tanggagaji pertukaran sementara 'A' hendaklah dipindahkan atas tanggagaji Tingkatan Tertinggi 'G' atau A10 Kabinet (\$2305x120-2425) dan tidak atas tanggagaji A9 Kabinet (\$2525x120-2645), walaupun tanggagaji ini adalah merupakan tanggagaji hakiki jawatan yang disandang itu.

ii) **Kemudahan-kemudahan:**

Jika sekiranya mengikut syarat-syarat pertukaran sementara yang terdahulu, ada terdapat kadar-kadar mengenai kemudahan-kemudahan yang diluluskan mengikut syarat-syarat pertukaran sementara dan kadar-kadar ini telah diubah di dalam Pekeliling-pekelling Perkhidmatan yang berkaitan dengannya, maka kadar-kadar baru itu pula hendaklah dilaksanakan mulai 1.7.1977. Sekiranya ada di antara kemudahan-kemudahan itu yang telah dihapuskan, maka kemudahan itu tidaklah boleh dikekalkan lagi mulai 1.7.1977.

3. Sebagaimana dinyatakan di atas penyelarasan gaji ini dilaksanakan berkuatkuasa mulai daripada 1.7.1977 dan dengan demikian meliputi hanya pegawai-pegawai yang sedang berada dalam pertukaran sementara pada tarikh itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menimbang soal penyelarasan gaji pegawai-pegawai yang ditukar sementara ini termasuk pemberian kenaikan-kenaikan gaji dan juga tunggakan gaji, di mana berkenaan, bagi pegawai-pegawai yang ditukar sementara pada tarikh 1.1.1976 dan selepasnya. Perkara ini akan diputuskan kemudian dan sernua pihak yang berkenaan akan dimaklumkan selanjutnya. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah bagi membolehkan Kementerian / Jabatan di mana pegawai-pegawai pertukaran sementara berkhidmat melaksanakan penyelarasan gaji ke tanggagaji baru Kabinet mulai dari 1.7.1977 sahaja.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN MUHD DARUS)
Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

" Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,
Jalan Spooner,
Kuala Lumpur.